

TNB teroka pasaran tenaga boleh baharu Singapura

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi anak syarikat milik penuhnya, TNB Renewables Sdn. Bhd. telah memeterai *binding term sheet* bagi kerjasama dengan Sunseap Group berpusat di Singapura.

Kerjasama itu bagi meneroka pasaran tenaga boleh baharu dan Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) Korporat di republik berkenaan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din berkata, kerjasama itu adalah pencapaian penting bagi TNB dalam usaha meluaskan jejak mereka dalam bidang tenaga boleh baharu di peringkat anta-



BAHARIN DIN

rabangsa, termasuk Asia Tenggara.

Beliau berkata, terkini, port-

folio keseluruhan tenaga boleh baharu TNB adalah sebanyak 2,7732.3 megawatt (MW) di Malaysia (termasuk 2,536.1MW daripada hidro besar) dan 666MW di United Kingdom, Turki dan India yang kebanyakannya melibatkan aset penjana tenaga solar, angin dan hidro.

"Ini adalah usaha pertama TNB meneroka pasaran tenaga boleh baharu di Singapura dan Kumpulan akan berada pada kedudukan terbaik bagi memanfaatkan segmen PPA Korporat yang sedang berkembang pesat," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut Baharin, kerjasama itu antara lain menyasarkan pe-

langgan strategik seperti syarikat RE100, syarikat multinasional dan data.

Inisiatif itu kata beliau, dijangka akan memacu pertumbuhan permintaan tenaga bersih dan hijau di rantau ini untuk tahun-tahun akan datang.

"Kerjasama ini juga adalah tepat pada masanya, sejajar dengan jangkaan pelancaran tender oleh Pihak Berkuasa Pasaran Tenaga Singapura (EMA) bagi percubaan penyaluran bekalan tenaga rentas sempadan Malaysia-Singapura yang dijangka akan dilancarkan menjelang Mac 2021," katanya.

Jelas Baharin, kerjasama ini penting bagi mencapai matla-

mat TNB untuk meluaskan portfolio keseluruhan tenaga boleh baharunya kepada 8,300MW menjelang 2025 (termasuk hidro besar), selari dengan strategi *Re-imagining* TNB untuk memacu perkembangan kapasiti penjana tenaga boleh baharu di bawah teras strategik Sumber Penjana Masa Depan.

"Berikutan kejayaan pelaburan kami dalam perniagaan tenaga boleh baharu di UK menerusi Vortex Solar dan Tenaga Wind Ventures, kerjasama bersama Sunseap adalah langkah penting bagi meneruskan strategi peluasan penjana tenaga boleh baharu di peringkat antarabangsa," katanya.

Utusan Malaysia - Ekonomi 3/3/2021 M/s 34